

09 JUL 1996

S'WAK SAMBUT BAIK PENUBUHAN RANGKAIAN TELEVISYEN SWASTA

KUCHING, 9 Julai (Bernama) -- Sarawak mahu kepentingan penduduk tempatan diutamakan terutama daripada segi peluang pekerjaan dengan kelulusan penubuhan rangkaian televisyen swasta yang akan membuat liputan khusus bagi Sabah dan Sarawak.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, penubuhan rangkaian stesen televisyen swasta berkenaan juga akan memudahkan aliran maklumat di seluruh negara untuk merapatkan intergrasi nasional dan pemahaman yang meluaskan tentang sesuatu negeri.

" Sarawak menyambut baik keputusan itu dan berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir kerana memberi peluang kepada kami, " katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar bertajuk Membawa Sarawak Ke Arah Negeri Utama di Malaysia Melalui Perpaduan - Asas Bagi Harmoni, Kestabilan dan Kemakmuran. "

Seminar satu hari itu adalah anjuran Yayasan Perpaduan Sarawak dan Kelab Penyokong Kerajaan Sarawak.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat semalam berkata, siaran berkenaan yang akan beroperasi dari Sarawak akan dipancarkan ke seluruh negara bagi membolehkan rakyat negara ini mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai kedua-ke dua negeri itu. -- BERNAMA

RDY PR